

**PEKELILING PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/1998**

=====

**PERMOHONAN UNTUK MEMBAYAR SECARA ANSURAN
MENGENAI PEMBAYARAN PREMIUM YANG
DIKENAKAN KE ATAS KELULUSAN
PEMBERIMILIKAN TANAH / TUKAR SYARAT TANAH**

1. Dengan hormatnya dimaklumkan, Mesyuarat EXCO MTES bagi Kertas EXCO MTES No.7/1/98 dan Mesyuarat Majlis Kerajaan Selangor pada 29/7/1998 telah bersetuju untuk melaksanakan beberapa kemudahan bagi pembayaran premium secara ansuran ke atas kelulusan pemberimilikan/ tukar syarat tanah berdasarkan kepada perakuan seperti berikut :

(a) **Pemberimilikan Tanah**

- (i) Luas 50 ekar ke atas.
- (ii) Daftar hakmilik atas kategori 'pertanian' dengan bayaran kadar 'pertanian'.
- (iii) Tindakan pecah sempadan beberapa hakmilik mengikut Fasa Pembangunan seperti kehendak Seksyen 135 dan 136 Kanun Tanah Negara 1965 dan ubah jenis kegunaan/syarat nyata tanah di bawah Seksyen 124/124A Kanun Tanah Negara. 1965.
- (iv) Premium dibayar mengikut hakmilik yang dibangunkan.

(b) **Tukar Syarat Tanah**

Pek.PTG.SEL.1/86 boleh dilonggarkan lagi tempohnya, **selaras dengan Fasa Pembangunan dikehendaki oleh pemaju** tidak terhad kepada 36 bulan seperti syarat yang ada sekarang. Kelonggaran ini khusus bagi kes-kes tanah seperti berikut :

- (a) Tanah yang telah diluluskan tukar syarat.
- (b) Keluasan yang melebihi 50 ekar ke atas.
- (c) Dikenakan syarat 30% rumah kos rendah, 10% rumah kos sederhana rendah, 10% rumah sederhana dan 30% rumah kedai harga rendah di Fasa 1.

- (d) Dasar 20% rumah kos rendah, 10% rumah kos sederhana rendah dan 10% rumah kos sederhana bagi keseluruhan kawasan projek dikekalkan.

2. Kemudahan tambahan yang diberi sepertimana di atas, walau bagaimanapun tidak membatalkan Pekeliling PTG.1/92 kerana ianya masih terpakai bagi keluasan tanah yang kurang 50 ekar.

3. Sekiranya ada permohonan, semua Pentadbir Tanah diminta supaya melaksanakan keputusan/kelulusan mengenai pembayaran premium secara ansuran ini bagi kes-kes dan syarat-syarat yang dikenakan sepertimana para 1 di atas.

Sekian, terima kasih.

T.T
(DATO' HAJI MOHD ESA BIN SHARIFF)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 9 Oktober 1998

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.3/2008***